



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

22 MEI 2024 (RABU)

## Longgok 847 Kotak Ayam Sejuk Beku Bersama Daging Khinzir Dalam Kontena

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Kes	Online	22 Mei



Penguat kuasa memeriksa kontena berisi kotak ayam sejuk beku berlogo halal yang bercampur bekalan daging khinzir. - Foto ihsan KPDN

KOTA KINABALU: Sejumlah 847 kotak ayam sejuk beku tertera logo halal bernilai RM121,968 dirampas selepas dikesan disimpan bersama bekalan daging khinzir dalam sebuah kontena sejuk beku.

Rampasan susulan serbuan dilakukan Pasukan Gerakan Am (PGA) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah di sebuah stor penyimpanan di Jalan Burung Keleto, Inanam, di sini, semalam.

Semua rampasan termasuk kontena dengan nilai

keseluruhan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah untuk tindakan lanjut.

Pengarah KPDN negeri, Georgie Abas mengesahkan perkara itu dengan seorang lelaki yang juga pemilik premis yang ditemui di lokasi serbuan diambil keterangan untuk membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Perintah 3(1)(g) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 iaitu menyimpan

barang yang diperihalkan sebagai halal dengan barang yang tidak diperihalkan sebagai halal berdekatan satu tempat simpanan yang sama.

Jika sabit kesalahan, pesalah membabitkan pertubuhan perbadanan boleh didenda tidak lebih RM5 juta, manakala untuk kesalahan kedua membabitkan denda tidak lebih RM10 juta.

"Bagi orang perseorangan pula, denda bagi kesalahan pertama tidak lebih RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM5 juta atau dipenjarakan tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya," katanya.-

**BHONLINE**

## Ayam Sejuk Beku Ada Logo Halal Disimpan Campur Daging Babi Disita

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	22 Mei



Pemeriksaan dilakukan di sebuah stor yang menyimpan ayam berlogo halal diletakkan bersama daging babi dalam serbuan di Jalan Burung Keleto Inanam, Kota Kinabalu.

KOTA KINABALU - Sebanyak 848 kotak ayam sejuk beku yang mempunyai logo halal disita selepas didapati disimpan bersama daging babi di dalam sebuah stor di Jalan Burung Keleto Inanam, di sini, pada Selasa.

Rampasan barang bernilai RM121,968 itu dilakukan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Jabatan Pekhidmatan Veterinar (JPV) Sabah sebelum diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah pada Rabu.

Pengarah KPDN Sabah, Georgie Abas berkata, pihaknya telah menerima kes serahan yang disyaki terlibat dengan pelanggaran takrifan halal daripada PGA Kota Kinabalu.

"Pemeriksaan bersepadu yang dijalankan oleh PGA dan JPV Sabah di sebuah stor tanpa nama dan telah menemui sebuah kontena sejuk beku yang mengandungi daging ayam beku yang mempunyai logo halal pada kotak disimpan bersekali dengan daging babi.

"Seterusnya PGA telah menahan kontena sejuk beku tersebut dan menyerahkan kepada KPDN Sabah untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Katanya lagi, hasil pemeriksaan semula yang dijalankan pihaknya membawa kepada nilai keseluruhan rampasan termasuk kontena iaitu sebanyak RM151,968.

"Seorang lelaki tempatan pemilik premis yang ditemui di tempat kejadian turut diambil keterangan bagi tujuan membantu siasatan dan daging babi juga disita oleh pihak JPV Sabah untuk tindakan lanjut.

"Kes ini akan disiasat di bawah Perintah 3 (1) (g) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 iaitu menyimpan barang yang diperihalkan sebagai halal dengan barang yang tidak diperihalkan sebagai halal berdekatan di satu tempat simpanan yang sama," katanya.-**SINARHARIAN**

## Ayam Sejuk Beku Bercampur Daging Khinzir Dirampas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	22 Mei



PASUKAN operasi memerlukan kontena berisi daging ayam berlogo halal dengan dicampur bersama bekalan daging khinzir. FOTO KPDN

Kota Kinabalu: Sebanyak 847 kotak ayam sejuk beku bernilai RM121,968 dirampas selepas disyaki terbabit dengan pelanggaran takrifan halal.

Rampasan itu dilakukan Pasukan Gerakan Am (PGA) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah dalam serbuan di sebuah stor penyimpanan di Jalan Burusudyr plng Keleto, Inanam di sini, semalam.

Kesemua ayam sejuk beku berkenaan mempunyai logo halal namun didapati disimpan dalam kontena bersama

bekalan daging khinzir.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah, Georgie Abas berkata, semua rampasan berkenaan diterima daripada PGA untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, jumlah rampasan keseluruhan dianggarkan bernilai RM151,968 termasuk kontena sejuk beku berkenaan.

"Seorang lelaki tempatan yang juga pemilik premis yang ditemui di tempat

kejadian sudah diambil keterangan bagi tujuan membantu siasatan.

"Sementara daging khinzir pula disita oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Georgie berkata, kes terbabit akan disiasat mengikut Perintah 3 (1) (g) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 iaitu menyimpan barang yang diperihalkan sebagai halal dengan barang yang tidak diperihalkan sebagai halal berdekatan di satu tempat simpanan yang sama.

Katanya, mengikut Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, pesalah membabitkan pertubuhan perbadanan boleh didenda tidak melebihi RM5 juta dan tidak melebihi RM10 juta bagi kesalahan kedua.

"Bagi orang perseorangan, boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM5 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun

atau kedua-duanya," katanya.

Sehubungan itu, Georgie berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan aktiviti salah laku dan tidak beretika peniaga berhubung penggunaan logo halal boleh disalurkan kepada pihak KPDN untuk tindakan selanjutnya.

Katanya, sebarang maklumat boleh disalurkan melalui aplikasi WhatsApp ditanian 019-848 8000 atau menerusi Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>.

"Maklumat turut boleh disalurkan menerusi talian Call Centre 1-800-886-800 atau aplikasi telefon pintar, Ez ADU KPDN," katanya.-

**MYMETRO**

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR